

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t. Terlebih dahulu kami panjatkan rasa penuh kesyukuran kepada Yang Maha Esa, Allah S.W.T kerana akhirnya kami dapat melengkapkan Projek Sejarah Lisan ini dengan jayanya. Tidak dinafikan, berbagai kekangan yang kami hadapi sebelum dan selepas selesai sesi temubual bersama tokoh, namun dengan berkat kesabaran kami dan pertolongan-Nya, kami dapat atasi masalah yang melanda.

Jutaan terima kasih kami tujukan kepada pembimbing akademik kami untuk subjek IMR 604 – Oral Documentation, Puan NurulAnnisa Binti Abdullah yang telah memberikan segala ilmu yang beliau miliki kepada kami dan memberi kami segala tunjuk ajar untuk meyiapkan projek ini. Terima kasih yang tidak terhingga lagi sekali di atas dorongan beliau dan kami amat menghargainya.

Tuan Mazalani Bin Abdul Muhaini, tokoh yang kami hormati dan setinggi-tinggi terima kasih kami ucapkan kerana kerjasama yang beliau berikan. Tidak dilupakan. Haji Nam Nazri Bin Abdul Wahab yang telah banyak membantu kami dengan memberi maklumat mengenai tokoh. Tanpa bantuan dan kerjasama dari mereka, transkrip ini tidak mungkin dapat disiapkan.

Akhir sekali, kami ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua yang terlibat secara langsung atau pun tidak langsung, ibubapa serta rakan-rakan seperjuangan yang memberikan sedikit sebanyak tunjuk ajar kepada kami di dalam menghasilkan projek transkrip temubual ini.

Sekian terima kasih.

ISI KANDUNGAN

TAJUK

MUKA

SURAT

Penghargaan.....	i-ii
Isi Kandungan.....	iii
Abstrak.....	iv- v
Biodata Tokoh.....	vi- ix
Pengenalan.....	x- xii
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	1-10
Bahagian 2: Kerjaya.....	11-12
Bahagian 3: Pengalaman Kerjaya.....	12-19
Bahagian 4: Pencapaian dan Anugerah	20-21
Bahagian 5: Lain-lain	21-26
Lampiran	
Log Wawancara.....	28-29
Diari Kajian.....	30
Senarai soalan.....	31-35
Surat Perjanjian.....	36
Gambar.....	37-40
Indeks.....	41-42

ABSTRAK

ABSTRAK

Transkrip Temubual Bersama Tuan Mazalani Bin Abdul Muhaini Mengenai Penglibatan
Beliau Dalam Bidang Pendidikan

Abstrak: *Temubual ini adalah antara tokoh dan pelajar. Transkrip ini mengandungi temubual bersama Tuan Mazalani Bin Abdul Muhaini mengenai kerja beliau dalam bidang pendidikan. Transkrip temubual ini dijalankan di dalam pejabat Tuan Mazalani Bin Abdul Muhaini sendiri di Pejabat Pelajaran Daerah Kerian, Kompleks Sekolah Wawasan, 34200 Pekan Baru, Parit Buntar, Perak pada 29 Mei 2015 bermula jam 4.00 petang. Beliau merupakan seorang tenaga pendidik yang banyak terlibat dalam bidang pendidikan di negeri Perak sehingga ke hari ini. Transkrip ini menyentuh serba sedikit tentang latar belakang beliau serta pengalaman beliau tentang perit getir semasa menjadi guru sehinggalah menjadi timbalan pengarah di Pejabat Pendidikan Daerah. Beliau turut menceritkan bagaimana beliau terlibat dalam askar wataniah sehingga diberikan pangkat sebagai kapten. Selain itu, beliau juga berkongsi beberapa pendapat dan komen tentang bidang pendidikan masa kini dan harapan serta beliau tentang bidang pendidikan Malaysia pada masa akan datang.*

Kata kunci: *Tuan Mazalani Bin Abdul Muhaini, guru, cikgu, pendidikan, kapten, askar wataniah, temubual*